

# Malaysia cadangkan bentuk sekretariat tetap

UM - JUN 1990  
KUALA LUMPUR 1 Jun - Malaysia hari ini mencadangkan pembentukan sebuah sekretariat tetap negara - negara Selatan bagi menyelaraskan tindakannya melaksanakan usaha - usaha untuk kepentingan bersama dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sedang negara - negara di Utara Tengah untuk menghadapi sebarang kemungkinan, negara - negara Selatan pula tidak memiliki satu apa yang boleh disamakan dengan apa yang mereka miliki.

Tegasnya: "Dengan penekanan kini kepada perbezaan Utara - Selatan dan tidak lagi perbezaan Timur - Barat maka keperluan bagi penyelarasan yang lebih formal di Selatan amat ketara.

"Sekiranya kita hendak bertindak secara positif sebagai hasil persidangan maka sudah pasti kewujudan sebuah sekretariat adalah diperlukan."

Berucap merasmikan Persidangan Kemuncak Pertama Negara - Negara Kumpulan 15 (K-15) di sini, Dato' Sri Dr. Mahathir berharap negara - negara Selatan yang lain akan menyokong cadangan Malaysia ini.

Menurutnya, sekretariat yang dicadangkan itu tidak perlu begitu besar sebaliknya hanya perlu jumlah kakitangan yang minimum dan dengan belanjawan yang kecil.

"Sungguhpun begini ia adalah lebih baik dari tidak ada apa - apa langsung," kata Perdana Menteri.

Serentak dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan negara - negara Selatan mengkaji dan mengambil usaha mewujudkan laluan udara antara negara - negara Selatan.

Beliau berpendapat laluan udara antara negara - negara Selatan adalah sangat penting untuk perniagaan dan perdagangan.

"Marilah kita melihat semua potensi perhubungan kita dan marilah kita mengambil risiko. Marilah kita membahagikan risiko di kalangan yang mampu. Marilah kita mulakannya," katanya.

Bagi menguatkan cadangan berkenaan, Perdana Menteri memberi contoh bagaimana kebanyakan perwakilan dari 15 negara ke persidangan ini perlu menaiki pesawat melalui negara - negara maju sebelum ke Kuala Lumpur yang jauh dan memakan banyak belanja.

## Jejakan perjalanan

"Kita tidak mempunyai hubungan udara terus antara kita. Ini sudah pasti menjejaskan perjalanan antara kita. Ini juga berlaku pada sistem komunikasi lain. Semuanya melalui Utara dulu sebelum ke Selatan mengakibatkan pertambahan kos, kesulitan dan tidak licin," ujarnya.

Ini juga, tambahnya, menghalang pertukaran ekonomi, kebudayaan dan perdagangan antara negara - negara sedang membangun.

Beliau lalu mempertikaikan anggapan laluan udara antara negara - negara Selatan tidak menguntungkan dari segi ekonomi.

Katanya, sewaktu penerbangan pertama dilancarkan antara Malaysia dengan Eropah, jumlah penumpang dapat dibilang dengan jari.

"Hari ini, setiap hari pesawat besar Boeing 747

mengangkut beribu penumpang antara Kuala Lumpur dengan Eropah. Apakah laluan itu akan menjadi begitu menguntungkan sekiranya satu permulaan tidak dibuat.

"Adalah tidak benar cuma kerana ada penerbangan ada penumpang. Sebenarnya dalam dunia sekarang, tidak ada yang kita pasarkan akan kekal tidak terjual terlalu lama," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan mengenai dua cadangan Malaysia yang dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh persidangan ini iaitu pembentukan rangkaian maklumat perdagangan dan pusat pertukaran data pelaburan Selatan.

Katanya, kedua - duanya adalah untuk membolehkan diketahui apa yang sedang berlaku dan apa yang ada di negara - negara Selatan untuk mewujudkan kerjasama ekonomi.

Beliau bertanya: "Berapa kali kita membeli barangan dari negara maju sedangkan barangan itu boleh diperoleh di negara sedang membangun sendiri dengan harga yang lebih berpatutan."

Katanya, adalah wajar negara - negara sedang membangun mencari pasaran di kalangan mereka sebagai tambahan kepada pasaran di negara - negara maju untuk menambah kadar perdagangan.

"Kita tinggal dalam zaman informasi. Jika masa itu wang, begitu juga informasi. Tetapi kita tidak mempunyai maklumat tentang satu sama lain.

"Pasaran kita yang begitu luas dan sumber asli yang banyak diketepikan oleh kita cuma kerana kita tidak menyedari potensi dan peluang - peluangnya," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.